



<b>Headline</b>	<b>MARA lahir pakar industri aeroangkasa</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian Online(www.bharian.com.my)</b>		
<b>Date</b>	<b>26 Mar 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>NEWS</b>	<b>Circulation</b>	<b>300</b>
<b>Page No</b>	<b>2</b>	<b>Readership</b>	<b>8</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>0 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 2,100</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 6,300</b>

MARA lahir pakar industri aeroangkasa

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8447783162&amp;z=1600249637](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8447783162&amp;z=1600249637)



<b>Headline</b>	<b>MARA lahir pakar industri aeroangkasa</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian Online(www.bharian.com.my)</b>		
<b>Date</b>	<b>26 Mar 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>NEWS</b>	<b>Circulation</b>	<b>300</b>
<b>Page No</b>	<b>2</b>	<b>Readership</b>	<b>8</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>0 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 2,100</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 6,300</b>

Berdasarkan perkembangan positif industri aeroangkasa yang menjanjikan landasan kerjaya berpendapatan tinggi, MARA akan terbabit secara langsung dalam syarikat berkaitan industri aeroangkasa bagi meningkatkan keupayaan agensi untuk melahirkan tenaga kerja profesional bertaraf dunia. Menurut Ketua Pengarah MARA, Datuk Ibrahim Ahmad, usaha itu akan dilaksanakan menerusi penyertaan ekuiti dalam syarikat berkaitan perkhidmatan kejuruteraan bagi mengembangkan kapasiti MARA sebagai penyedia dan tenaga pakar kepada industri ini. "Bagi tujuan itu, MARA kini dalam proses rundingan bersama pemain industri dalam dan luar negara bagi penyertaan ekuiti yang seterusnya," katanya. Buka peluang Menerusi kepentingan yang wujud dalam syarikat berteraskan pengetahuan itu kelak, MARA bukan saja mampu membuka peluang untuk pelajar yang dilahirkannya menjalani latihan dan memberi peluang kepada mereka terus berkhidmat dalam syarikat berkenaan, malah dapat mempertingkatkan keupayaan modul pengajaran dan pembelajaran sejajar kehendak industri dan pasaran semasa. "Bagi merealisasikan hasrat itu, usaha melahirkan tenaga profesional dan pakar aeroangkasa negara menerusi sistem pendidikan MARA akan bermula dengan pendedahan pada peringkat pelajar menengah di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan seterusnya menyediakan laluan pendidikan sehingga ke tahap pengajian tinggi di Universiti Kuala Lumpur," tambah Ibrahim. Menyentuh perancangan lain, Ibrahim berkata, MARA kini mempertingkatkan keupayaan melahirkan tenaga kerja dalam bidang penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) bagi industri aeroangkasa. "Langkah diambil ini sejajar dengan pertumbuhan industri melalui kewujudan banyak syarikat penerbangan baru di Asia Pasifik selain pertambahan pesawat syarikat sedia ada," jelasnya. Menurut Ibrahim, dalam usaha memenuhi kehendak pasaran industri, MARA menerusi institusi miliknya iaitu Universiti Kuala Lumpur-Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT) membangunkan kampus kedua UniKL MIAT di Subang, Selangor yang mampu menempatkan 1,800 pelajar sebagai tambahan kepada 1,200 pelajar di kampus sedia ada di Sepang, Selangor ketika ini. Pada masa ini, UniKL MIAT menawarkan latihan teknologi penyelenggaraan pesawat dan menjadi institusi pengajian tunggal yang mendapat pengiktirafan European Aviation and Safety Agency (EASA Part 147). Di samping itu, UniKL MIAT turut mendapat kelulusan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA) yang membolehkan institusi ini menawarkan program License Aircraft Engineers (Part 66-Aircraft Maintenance and Engineering License). Tingkat pelaburan "MARA turut meningkatkan pelaburan modal insan di UniKL MIAT ini dengan mempertingkatkan kerjasama bersama pelbagai pihak dalam usaha menawarkan latihan yang diiktiraf syarikat antarabangsa sekali gus menarik pelajar luar negara mengikuti program ditawarkan. "Bagi membolehkan UniKL MIAT muncul sebagai pusat sehenti pengajian aeroangkasa di rantau ini, MARA akan mempertingkatkan keupayaannya dengan menawarkan program pengajian lain berkaitan bidang aeroangkasa seperti reka bentuk aeronautikal dan pembuatan," kata Ibrahim. Mengenai nilai tambah pelajar UniKL MIAT, Ibrahim berkata kolaborasi strategik yang dilaksanakan MARA dengan pemain industri tempatan membolehkan pelajar mengikuti latihan amali dan seterusnya berjaya mendedahkan mereka kepada suasana pekerjaan sebenar (actual business environment) sekali gus memudahkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan. "Selari dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan terbaik di rantau ini, kita akan meneruskan kerjasama seumpama ini dengan syarikat luar negara dalam usaha mendedahkan pelajar kepada tata cara kerja antarabangsa (international business ethics) bagi meningkatkan tahap latihan sedia ada ke aras global," tambah Ibrahim. Sejak 1992, MARA melahirkan hampir 10,000 pelajar dalam bidang MRO dan mereka sedang berkhidmat di syarikat dalam dan luar negara, manakala lebih 2,000 orang pelajar kini menuntut dalam jurusan yang sama.